

Pusat berniat baik: Dr M

KOTA KINABALU, Ahad — Langkah Kerajaan Pusat mengawal selia pentadbiran kerajaan negeri Sabah adalah untuk memastikan pemimpin negeri itu menjalankan tugas dengan baik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, perkara itu bukan saja dibuat di Sabah, tetapi juga di negeri lain yang ada hubungan rapat dengan Pusat.

"Kita menaruh kepercayaan kepada tiga kerajaan (Sabah) sebelum ini, tetapi mungkin tekanan pihak tertentu maka mereka tidak dapat menjalankan tugas dengan baik.

"Kita memang selia semua kerajaan negeri di mana juga kita mempunyai hubungan yang rapat dan kita memerhati pentadbirannya. Apa yang kita buat di sini tidak berbeza dengan yang kita buat di negeri lain.

"Hanya yang ingin ditegaskan ialah bagi tiga kerajaan terdahulu, mereka tidak memberi kerjasama kepada Kerajaan Pusat apabila kita cuba memerhati atau apabila kita buat teguran," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas lanjut langkah Kerajaan Pusat menga-

wal selia pentadbiran negeri di bawah pemerintahan Barisan Nasional.

Menurutnya, kerajaan tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang didapati menyeleweng atau melanggar undang-undang dan peraturan.

Beliau juga berkata, Kerajaan Pusat mempunyai tanggungjawab terhadap seluruh negeri di Malaysia.

"Kalau kita mempunyai tanggungjawab terhadap Kedah, Perlis atau Selangor, tidak ada sebab kenapa kita tidak harus bertanggungjawab terhadap kelicinan pentadbiran di Sabah.

"Oleh kerana kita tidak menyelia tiga kerajaan yang lepas, banyak penyelewengan yang berlaku," katanya.

Ketika berucap di majlis bersama rakyat di Wisma Muis, semalam, Dr Mahathir berkata kerajaan akan mengaudit kedudukan kewangan dan urusan pentadbiran kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS) bagi menentukan ia mematuhi undang-undang.

Ditanya mengenai proses pengauditan itu, beliau berkata kerajaan akan mempercepatkan langkah itu sama ada

menggunakan khidmat Jabatan Audit atau akauntan swasta.

"Proses audit akan dipercepatkan. Saya telah berbincang dengan Tan Sri (Sakaran) mengenai perlunya kita mengadakan audit ini secepat mungkin. Sebab itu kita akan menggunakan Ketua Audit Negara atau jika perlu, kita gunakan syarikat akauntan yang biasa buat audit," katanya.

Menurut Perdana Menteri, langkah itu tidak bersifat tekanan kerana kerajaan negeri BN kini mempunyai kerjasama rapat dengan Pusat.

"Terpulanglah tekanan itu untuk tujuan apa. Saya kata pengurusan kewangan dulu tidak tertib dan ada lesen, permit balak serta lesen perniagaan yang dikeluarkan secara tidak betul.

"Semua ini akan kita hentikan, tetapi untuk itu kita perlu adakan siasatan, audit dan sebagainya untuk menentukan kedudukan sehingga kini," katanya.

Mengenai perbuatan pihak tertentu yang melobi untuk mendapatkan jawatan, Perdana Menteri berkata ia perlu diberi berdasarkan kelayakan dan tidak menyalahgunakan kuasa.